

Tun Hasmah puji seorang bapa peka beri vaksin pada anaknya
Free Malaysia Today
Jun 7, 2016

Lucius Maximus menasihatkan ibu bapa supaya mengambil tahu kepentingan vaksin kepada anak-anak.

PETALING JAYA: Kepekaan seorang bapa memberikan vaksin kepada anaknya dipuji oleh Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali ketika ditemui dalam satu majlis di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kisahnyanya itu telah dikongsi di laman Facebook 'Lucius Maximus' dan turut mendapat pujian daripada netizen.

"Berapa banyak vaksin yang anak anda ambil? Bab ini aku gagal tak boleh kira, sebab aku bukan ingat berapa cuma ikut saja jadual diberikan bulat-bulat. Tapi aku yakin vaksinasi anak aku 'up to date'. Jadi aku ambil jalan selamat dan jawab; "Tak pasti berapa banyak, tetapi anak saya ambil vaksin yang disarankan oleh kerajaan.

"Terus Tun Siti senyum dan jawab; "Haa bagus. Ini yang saya nak. Saya sangat sedih sekarang tidak ramai ibu bapa yang mahu anak mereka diberikan vaksin. Setiap tahun saya lihat kerajaan telah cuba promosi vaksin kepada anak-anak, tetapi malangnya ia seperti membazir masa kerana mereka tidak mahukannya," katanya.

Menurutnya, vaksin ini sangat penting untuk diberikan anak-anak dan perkara itu turut disedari oleh Tun Hasmah yang pernah berkhidmat sebagai doktor kerajaan selama 22 tahun.

Lucius Maximus menasihatkan ibu bapa supaya mengambil tahu kepentingan vaksin kepada anak-anak.

Dalam pada itu, netizen turut memuji tindakan Lucius yang masih pro-vaksin.

"Bagus Lucius Maximus, aku bersyukur kau masih pro vaksin dan menggunakan servis kerajaan kita," kata Maskur Fidzwan Kure.

"Bagus nasihat yang diberikan Tun Hasmah itu, dan satu perkongsian yang berguna," kata Iylia Syazni.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/07/tun-hasmah-puji-seorang-bapa-peka-beri-vaksin-pada-anaknya/>